



4 JUN 2023



JBPM bantu warga emas Orang Asli dapatkan rawatan

GUA MUSANG - Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) melakukan penerbangan pemindahan perubatan (Medevac) bagi membantu seorang warga emas Orang Asli dari Kampung Tapai, Pos Hau, mendapatkan rawatan di Hospital Gua Musang, pada Sabtu.

Pegawai Perhubungan Awam JBPM Pangkalan Udara Wilayah Utara Pulau Pinang, Penolong Penguasa Bomba Muhammad Akmaluddin Said berkata, pesakit Taran Alig, 70, diiringi anak perempuannya Ruzita Alang, 43, menaiki helikopter jenis Agusta Westland AW139 yang berlepas dari Pulau Pinang pada jam 10.25 pagi.

"Pesakit diterbangkan ke Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gua Musang pada jam 11.56 pagi dan diserahkan kepada kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk proses seterusnya," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, Muhammad Akmaluddin berkata, keadaan perkampungan di Pos Hau perlu diselenggara segera kerana tidak sesuai untuk pendaratan pesawat bersaiz besar seperti helikopter jenis Mi-17.